

Fail: ()dlm. PTGS/CR01/2000

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/2001**

=====

**TEMPOH BAYARAN PREMIUM KE ATAS PEMBERIMILIKAN TANAH DAN
KUASA MELANJUTKAN TEMPOH BAYARAN PREMIUM**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah mengenai keputusan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri mengenai tempoh bayaran premium ke atas pemberimilikan tanah dan kuasa yang meluluskan perlanjutan tempoh bayaran premium.

2. LATAR BELAKANG

EXCO MTES bil 10/2001 bertarikh 8 Mei 2001 telah mencadangkan supaya tempoh bayaran premium bagi pemberimilikan tanah kerajaan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 12 bulan sahaja di mana 6 bulan pertama diberi kuasa kepada Pentadbir Tanah dan 6 bulan kedua diberi kepada Pengarah Tanah dan Galian Selangor. Pindaan ini difikirkan wajar bagi menentukan supaya pembayaran premium dijelaskan dengan segera dalam masa yang sama dapat meningkatkan hasil bagi menjana pembangunan negeri.

3. TEMPOH

Pihak Berkuasa Negeri pada 5 Jun 2001 telah memutuskan bahawa tempoh bayaran premium ke atas pemberimilikan tanah dipinda daripada tempoh 24 bulan mengikut Kaedah 7, Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 1966 kepada 18 bulan sahaja dan kuasa meluluskan pelanjutan tempoh bayaran premium adalah seperti berikut :-

- a) enam (6) bulan pertama diberikan kepada Pentadbir Tanah;
- b) enam (6) bulan kedua diberikan kepada Pengarah Tanah dan Galian; dan
- c) enam (6) bulan ketiga diberi kuasa YAB. Dato' Menteri Besar.

4. **KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

T.T
(DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 6 September 2001

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.3/2008***